



# my rail life



## Apakah itu Pas MyRailLife? 01

Pas perjalanan percuma untuk pelajar sekolah Tahun 1 sehingga Tingkatan 6 dan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi perkhidmatan Shuttle Timuran (DMU) sektor Gemas – Tumpat dan perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang dan Utara.

## Apakah faedah Pas MyRailLife? 02

Pas MyRailLife diperkenalkan untuk meringankan beban kos pengangkutan pelajar sekolah dan golongan OKU yang menggunakan perkhidmatan Shuttle Timuran (DMU) dan KTM Komuter selain menggalakkan pelajar sekolah dan golongan OKU menggunakan pengangkutan awam.

## Berapa lamakah tempoh penggunaan Pas MyRailLife? 03

15 Februari 2024 sehingga **31 Disember 2024**.

## Perkhidmatan manakah yang membenarkan penggunaan Pas MyRailLife? 04

- Perkhidmatan Shuttle Timuran (DMU) laluan Gemas – Tumpat
- Perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang (Pelabuhan Klang – Tg. Malim – Pelabuhan Klang & Batu Caves – Pulau Sebang Batu Caves)
- Perkhidmatan KTM Komuter sektor Utara (Padang Besar – Butterworth – Padang Besar & Ipoh – Butterworth – Ipoh)

## Apakah syarat kelayakan untuk mendapatkan Pas MyRailLife? 05

- Warganegara Malaysia
- Pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6 (umur 7 tahun – 19 tahun)
- Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat

## Bagaimana dan di mana saya boleh mendapatkan Pas MyRailLife? 06

- Di mana-mana kaunter tiket Stesen KTM Komuter
- Di mana-mana kaunter tiket Stesen KTM laluan Gemas hingga Tumpat
- Secara dalam talian menerusi laman sesawang KTMB ([www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my)) dan aplikasi KTMB Mobile

## Apakah dokumen yang perlu ada bersama untuk pendaftaran Pas MyRailLife? 07

- Dokumen pengenalan diri (Sijil Lahir/ MyKid/ MyKad); dan
- Surat Pengesahan Pelajar daripada pihak sekolah (bagi pelajar Tingkatan 6 sahaja)
- Kad pendaftaran OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat

## Berapakah masa yang diambil untuk memproses permohonan Pas MyRailLife? 08

**Permohonan di kaunter:**  
Pelajar Tahun 1 – Tingkatan 6 & OKU: Serta-Merta

**Pemohonan secara online:**  
Pelajar Tahun 1 – Tingkatan 6 & OKU: 5 hari bekerja

## Adakah ibu bapa atau penjaga sekolah Tahun 1 hingga Tingkatan 6 dan golongan OKU dibenarkan mendaftar bagi pihak mereka? 09

Ya, dibenarkan dengan syarat membawa dokumen seperti dinyatakan dalam perkara (7) dan membuat pendaftaran di kaunter tiket sahaja.

## Kenapa pendaftaran perlu dibuat untuk mendapatkan Pas MyRailLife? 10

Pendaftaran dan pas diperlukan oleh KTMB sebagai dokumen perjalanan yang sah dan dilindungi oleh insurans kelompok KTMB.

## Adakah dikenakan bayaran bagi pengeluaran Pas MyRailLife? 11

Tiada bayaran yang dikenakan.

## Bolehkah Pas MyRailLife dipindah milik? 12

Tidak.

## Apakah syarat-syarat penggunaan Pas MyRailLife? 13

- Boleh digunakan antara stesen mula dan stesen destinasi yang tertera di Pas MyRailLife.
- Boleh digunakan oleh penumpang yang dicatatkan pada Pas MyRailLife.
- Boleh digunakan dalam tempoh sah laku yang dicatatkan pada Pas MyRailLife.
- Pas MyRailLife dan MyKad/MyKid mesti dikemukakan kepada kakitangan KTMB semasa pemeriksaan.
- Perincian syarat boleh disemak di laman sesawang KTMB.

## Apakah tindakan yang bakal diambil bagi penumpang yang menyalahguna dan gagal mematuhi syarat-syarat penggunaan Pas MyRailLife? 14

- Dikenakan surcaj (denda) RM30 beserta tambang; atau
- Diarahkan turun dari tren jika gagal menjelaskan bayaran.
- Pas MyRailLife akan dibatalkan dan pemegang pas akan disenaraihitam.

## Adakah penggunaan Pas MyRailLife tertakluk kepada penalti KTM Komuter? 15

Tidak. Walaubagaimanapun, pemegang pas perlu membuat transaksi perjalanan lengkap (imbas masuk & imbas keluar)

## Bolehkah Pas MyRailLife digunakan di kedua-dua sektor KTM Komuter Lembah Klang dan Utara? 16

Boleh. Walaubagaimanapun, pemegang pas hanya dibenarkan untuk membuat transaksi perjalanan lengkap (imbas masuk & imbas keluar) dalam sektor yang sama sahaja.

## Bolehkah Pas MyRailLife digunakan di rangkaian Rapid KL dan Rapid Penang (Rel & Bas) serta ERL? 17

Tidak. Pas MyRailLife tidak boleh digunakan di rangkaian Rapid KL dan Rapid Penang (Rel & Bas) serta ERL.

## Adakah KTMB akan menggantikan Pas MyRailLife yang hilang atau rosak? 18

Sekiranya Pas MyRailLife rosak, pemegang pas perlu mendapatkan pas yang baharu secara percuma di kaunter.

Sekiranya Pas MyRailLife hilang, laporan polis perlu dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Laporan polis tersebut perlu diserahkan di kaunter stesen semasa permohonan yang baharu tanpa caj.

## Adakah KTMB akan memberikan pemulangan bayaran atau apa-apa bayaran jika penumpang tidak menggunakan Pas MyRailLife yang telah dibeli? 19

Tidak.

## Adakah KTMB akan memberikan pemulangan bayaran atau apa-apa bayaran pampasan jika penumpang tidak dapat meneruskan perjalanan disebabkan kegagalan perkhidmatan tren atau berlaku kelewatan tren? 20

Tidak.

## Adakah KTM Berhad berhak meminda atau memansuhkan atau menambah mana-mana terma dan syarat Pas MyRailLife tanpa sebarang notis pemakluman awal? 21

Ya.

## Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai maklumat terkini Pas MyRailLife? 22

Sila layari [www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan KTMB di talian **03-2267 1200** atau media sosial rasmi KTMB:  
i. Facebook (KTM Berhad)  
ii. X (@ktm\_berhad)  
iii. Instagram (ktmbofficial)

# PAS PERJALANAN PERCUMA

UNTUK PELAJAR SEKOLAH TAHUN 1 SEHINGGA TINGKATAN 6 DAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) BAGI PERKHIDMATAN SHUTTLE TIMURAN (DMU) DAN KTM KOMUTER SEKTOR LEMBAH KLING DAN UTARA